

TARIKH	07 / 04 / 2016	SEKSYEN	NEGARA
MUKA SURAT	15	RUANGAN	

Kerajaan timbang guna sistem SMS, GPS dibangunkan penyelidik tempatan

Aplikasi jejak jemaah haji tersesat

GEORGE TOWN — Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk menggunakan aplikasi Sistem Penjejakan Lokasi Jemaah Tersesat melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) dan Penentu Kedudukan Global (GPS) di Tanah Suci Mekah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata, aplikasi yang berasaskan sistem pengoperasian Android itu dibangunkan sekumpulan penyelidik menerusi geran Kluster Penyelidikan Haji bermula RM9 juta melibatkan tujuh buah universiti awam tempatan.

Beliau memberitahu, aplikasi itu dapat memudahkan petugas Lembaga Tabung Haji (TH) mengesan jemaah yang sesat setiap tahun selain mampu mengintegrasikan maklumat semasa serta menyediakan maklumat persekitaran kepada jemaah.

"Saya sudah tengok aplikasi itu, ia hanya memerlukan tablet dan telefon pintar serta menggunakan teknologi SMS dan GPS," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Haji Serantau 2016 di sini semalam.

Persidangan dua hari bermula semalam itu dihadiri lebih 100 peserta dari beberapa negara antaranya Arab Saudi, Indonesia, Brunei, Thailand, Singapura dan Kembanga.

Asyraf Wajdi berkata, pada masa ini, usaha mengesan jemaah yang dilapor hilang dilakukan secara manual iaitu menempatkan petugas di kawasan *check point* untuk mengetahui pasti jemaah yang tersesat.

Beliau berkata, menerusi geran tersebut, kumpulan penyelidik berkenaan turut membangunkan beberapa aplikasi lain antaranya Aplikasi Mudah Alih Panduan Umrah (M-Umrah), Jelajah Maya Madinah, Penje-



ASYRAF WAJDI (kiri) mendengar penjelasan daripada Muhammad Rafie (kanan) tentang aplikasi Sistem Penjejakan Lokasi Jemaah Tersesat selepas majlis perasmian Persidangan Haji Serantau 2016 di George Town semalam.

jak Lokasi Mekah dan Sistem Penjejakan Lokasi Mekah GPS.

Katanya, projek Kluster Penyelidikan Haji itu melibatkan Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia

Kelantan (UMK), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti

Islam · Antarabangsa Malaysia (UIAM).

"Semua aplikasi itu dibangunkan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris secara percuma serta versi yang berbayar termasuk dalam bahasa Indonesia," katanya.

Sementara itu, Ketua Penyelidik projek tersebut Prof. Madya Muhammad Rafie Mohd. Arshad berkata, Sistem Penjejakan Lokasi Jemaah Tersesat itu mula dibangunkan pada tahun 2012 dan pihaknya telah membuat beberapa ujian termasuk menggunakan aplikasi itu di Mekah.

"Sistem itu juga boleh digunakan untuk memantau perjalanan bas ke sesuatu lokasi dan kedudukan bas yang dalam perjalanan dapat disemak statusnya untuk menentukan kemungkinan berlaku kerosakan kenderaan atau sebagainya," katanya yang juga pensyarah Pusat Pengajian Sains Komputer USM. - Bernama